

Mahathir akan rasmi rumah pekerja ladang

ALOR SETAR, Khamis — Timbalan Perdana Menteri, Dato Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan rancangan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang getah Batu Peka, Kuala Ketil pada 2 Mac ini.

Rancangan berharga \$1.5 juta yang dibiayai oleh Kementerian Perumahan dan Kemajuan Perkampungan itu merupakan projek perumahan untuk pekerja-pekerja ladang yang pertama dilaksanakan di negara ini.

Pembinaan peringkat pertama mengandungi 150 buah rumah iaitu 110 rumah 3 bilik dan 40 rumah 2 bilik telah pun siap manakala 82 buah lagi akan dibina di bawah peringkat kedua pertengahan tahun ini.

Rumah tiga bilik akan dijual kepada pekerja-pekerja ladang itu dengan harga \$10,000 sementara rumah dua bilik dengan harga \$8,000 sebuah.

Tiap-tiap pembeli dikehendaki membayar \$2,000 wang tempahan dan \$75 sebulan bagi rumah 3 bilik dan \$1,500 dan \$60 sebulan untuk rumah 2 bilik.